

01 AUG 2002
Mahathir-Perak
DR MAHATHIR LAWAT PERAK 10 OGOS

IPOH, 1 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan sehari ke Perak pada 10 Ogos ini.

Aturcara lawatan beliau bermula dengan kunjungan ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Tanjung Malim, iaitu institusi yang kini berusia 80 tahun selepas diwujudkan pada 1922 dengan nama Sultan Idris Training College (SITC).

Menurut jurucakap UPSI, Dr Mahathir akan mendengar taklimat pembangunan UPSI pada 9 pagi terutama mengenai pembinaan dua fasa kampus baru UPSI di kawasan seluas 320 hektar di Behrang Ulu.

Fasa pertama antara 2001 dan 2004 dijangka menelan kos RM500 juta dan fasa kedua antara tahun 2004 dan 2007 yang belum dapat dipastikan kosnya.

Selepas itu, Dr Mahathir dijadual mengadakan dialog dengan kakitangan dan pelajar UPSI.

Universiti itu, yang mempunyai kira-kira 6,500 pelajar, dijangka dapat menampung 25,000 pelajar apabila pembinaan itu siap sepenuhnya.

Selepas melawat UPSI, Dr Mahathir akan mengadakan mesyuarat tertutup dengan Badan Perhubungan Umno Negeri di Ipoh.

Selepas itu, beliau akan menutup kejohanan Piala Perdana 2002 yang merupakan pertandingan badminton tahunan di kalangan isteri-isteri menteri dan wakil-wakil rakyat.

Pada sebelah malamnya, Dr Mahathir akan menghadiri jamuan malam sempena pertandingan itu selain meraikan 21 tahun perkhidmatan beliau sebagai Perdana Menteri.

Yang Dipertua Badan Amal dan Usaha Isteri Negeri Perak (Baiduri), Datin Seri Kamariah Mokri, berkata jamuan malam itu adalah anjuran bersama Baiduri dan Kelab Penyokong Kerajaan.

Katanya Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri-menteri Kabinet dan menteri-menteri besar serta ketua-ketua menteri dijangka menghadiri majlis itu yang akan diadakan di Dewan Banquet, Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini.

Kamariah berkata seramai 144 pemain dari 12 pasukan akan mengambil bahagian pada kejohanan itu yang bermula 7 Ogos ini di Stadium Indera Mulia.

Raja Muda Perak Raja Nazrin Shah dijadual merasmikan kejohanan itu.

Pasukan yang akan mengambil bahagian terdiri daripada Bakti (Kuala Lumpur), Baidunita (Perlis), Baiduri (Perak), Bakisa (Sabah), Balkis (Selangor), Bidara (Kedah), Bistari (Melaka), Bunga Tanjung (Pulau Pinang), Juita (Johor), Pekerti (Negeri Sembilan), Sebati (Sarawak) dan Teratai (Pahang).

-- BERNAMA
AR NAK